

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ**  
**KAWASAN : PASIR MAS**  
**TARIKH : 17 MAC 2016, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan jambatan kedua Salor - Pasir Mas dan jalan raya Pasir Mas - Rantau Panjang.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Jalan Pintas Pasir Mas, Fasa 2 melibatkan skop menaik taraf Bulatan Lemal, membina jejambat baru di atas Bulatan Lemal dan membina jambatan baru bersebelahan Jambatan Salor sedia ada.

Projek ini telah memulakan pembinaan pada bulan Januari 2015 dan dijangka siap pada bulan Jun 2018. Status semasa kemajuan keseluruhan projek di tapak ialah 25% dan mengikut jadual. Pada masa ini kerja-kerja pembinaan jambatan Salor yang baru sedang giat dijalankan di mana struktur jambatan dijangka akan disiapkan pada bulan Oktober 2016. Manakala untuk kerja menaik taraf Bulatan Lemal dan pembinaan jejambat pula, ia akan dimulakan sebaik sahaja proses pengambilan tanah diselesaikan iaitu dijangka pada bulan Mei 2016.

Mengenai Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 3 (FT003) dari Rantau Panjang ke Pasir Mas pula, untuk makluman Ahli yang Berhormat, cadangan projek tersebut telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri pada bulan Disember 2015 yang lalu. Projek ini merupakan salah satu projek baru yang dicadang untuk dilaksanakan dalam Rolling Plan ke-2 (2018-2019), RMKe-11. Walau bagaimanapun ia tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat itu.

Sekian. Terima kasih.